

01 DEC 2002

PAS-Memorandum

SAR: PAS CADANG SERAH MEMORANDUM KEPADA SEMUA SULTAN

ALOR STAR, 1 Dis (Bernama) -- Pemuda PAS akan menyerahkan satu memorandum kepada Sultan-Sultan dan Raja-raja Melayu berhubung tindakan kerajaan menamatkan bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat (SAR).

Ketuanya, Mahfuz Omar berkata memorandum berkenaan bertujuan meminta semua Sultan dan Raja supaya melakukan sesuatu bagi menyelamatkan SAR.

Memorandum itu akan menjelaskan kesan-kesan yang akan timbul sekiranya bantuan per kapita dihentikan serta menjawab segala tuduhan buruk terhadap SAR, katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Mahfuz berkata pihaknya bercadang menghadap baginda-baginda Sultan selepas hari raya Aidilfitri.

"Pemuda PAS berharap Sultan-Sultan akan menerima memorandum ini sebagai usaha menyelamatkan SAR dari terus ditutup," katanya.

Mahfuz berkata sebagai Ketua Agama Islam Negeri, baginda-baginda Sultan boleh melakukan sesuatu bagi memastikan sekolah agama rakyat itu terus mendapat bantuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Jumaat lepas, mengumumkan keputusan kerajaan untuk tidak lagi memberi sebarang bantuan kepada sekolah agama rakyat.

Pada perkembangan lain, Mahfuz berkata cadangan Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan wad swasta di hospital-hospital kerajaan akan memberi kesan negatif kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kementerian sepatutnya mengkaji semula cadangan tersebut kerana akan memberi kesan buruk kepada rakyat terutamanya kepada orang miskin yang tidak mampu membayar untuk mendapatkan perkhidmatan daripada pakar," katanya.

-- BERNAMA

FIZ IAW MZM MOZ